A

MODERN FREIGHT EXPRESS lwn. AFZARIZZAL ABDUL WAHAB & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
AZIMAH OMAR PK
[SAMAN PEMULA NO: BA-24-49-01-2016]
B 8 OGOS 2016

KASTAM DAN EKSAIS: *Penahanan dan penyitaan – Kesahihan – Permohonan untuk pelepasan barangan yang disita – Sama ada penyitaan berterusan selepas satu bulan dalam pematuhan undang-undang – Pentafsiran s. 128(1) dan 128(3) Akta*
C *Kastam 1967 – Sama ada plaintif berhak menuntut ganti rugi dan pampasan – Sama ada wujud sebab munasabah untuk mengesyaki bahawa barangan yang disita terlibat dalam kesalahan Akta Kastam 1967*

Plaintif telah dilantik oleh beberapa konsainor-konsainor untuk mengambil
D pemilikan dan menguruskan perisytiharan, pelepasan dan perkapalan konsainmen barangan ('barang tersebut') yang diangkut di dalam 40 buah kontena masing-masing dari Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang. Setelah membuat semakan, plaintif mendapati bahawa pihak kastam telah menahan dan menyita 40 kontena tersebut semenjak 9 November 2015. Plaintif
E kemudiannya telah menuntut pelepasan barangan tersebut daripada defendan-defendan tetapi tuntutan plaintif tidak diendahkan oleh defendan-defendan. Oleh itu, plaintif telah memfailkan satu saman pemula ('kandungan 1') memohon relif berbentuk deklarasi dan ganti rugi. Plaintif juga memohon mahkamah memutuskan dua persoalan undang-undang di mana menurut plaintif pemutusan atau jawapan kepada dua soalan undang-
F undang tersebut akan membangkitkan relif atau remedi yang dipohon oleh plaintif. Dua soalan undang-undang yang dipohon plaintif untuk diputuskan oleh mahkamah adalah sama ada berdasarkan pada satu pentaksiran yang benar dan tepat terhadap (i) sub-s. 128(3) dan sub-s. 128(4) Akta Kastam 1967 ('Akta') bahawasanya dalam keadaan di mana tiada pendakwaan
G dijalankan dan di mana tuntutan sewajarnya dibuat oleh plaintif terhadap barangan di dalam 40 buah kontena, yang disita oleh defendan-defendan pada 9 November 2015, defendan-defendan yang gagal dan/atau enggan melepaskan barang tersebut adalah tidak berkuasa di sisi undang-undang untuk terus menyita barang tersebut selepas tamat tempoh satu bulan
H kalendar dari tarikh penyitaan tanpa dirujuk kepada mahkamah adalah menyalahi undang-undang; dan (ii) sub-s. 128(3) Akta kegagalan dan/atau keengganan defendan-defendan untuk melepaskan barang tersebut kepada plaintif dan kegagalan dan/atau keengganan defendan-defendan untuk merujuk tuntutan plaintif terhadap barang tersebut kepada mahkamah selepas tamatnya satu bulan kalendar dari tarikh penyitaan barang tersebut
I menjadikan penyitaan barang tersebut sebagai tidak sah. Defendan-defendan

pula menghujahkan bahawa penahanan dan penyitaan 40 kontena tersebut dibuat atas alasan terdapat syak wasangka yang munasabah terhadap barang-barang dagangan yang terkandung di dalam 40 kontena kerana terdapat perbezaan barang dagangan seperti yang diikrarkan dalam Borang K4 dengan barang dagangan yang diikrarkan dalam Borang ZB1. Oleh itu, defendan-defendan menegaskan bahawa penahanan dan penyitaan tersebut adalah sah dan dilakukan berdasarkan s. 114 Akta kerana adalah disyaki bahawa kesalahan di bawah s. 133(1)(a) Akta telah dilakukan.

Diputuskan (menolak kandungan 1 dengan kos)

(1) Plaintif terkhilaf mengenai undang-undang berkaitan s. 128 khasnya sub-s. 128(1) dan sub-s. 128(3). Pertamanya, plaintif terkhilaf berkenaan tempoh satu bulan yang dinyatakan dalam sub-s. 128(3) di mana tempoh satu bulan itu bukanlah bagi maksud pendakwaan mestilah dijalankan dalam tempoh satu bulan dari tarikh penyitaan tetapi tempoh masa itu adalah bagi maksud hak tanggapan perlucutan hak. Keduanya, berkenaan rujukan pada mahkamah, sub-s. 128(3) seterusnya memperuntukkan bahawa sekiranya pegawai kanan kastam membuat keputusan bahawa barang dagangan atau hasil jualannya dianggap dilucutkan, ia hendaklah merujuk kepada Ketua Pengarah Kastam yang boleh mengarahkan sama ada barang dagangan atau hasil jualan tersebut dilepaskan dengan sekuriti bawah s. 115 ataupun merujuk kepada Majistret Kelas Pertama. (perenggan 38)

(2) Menurut sub-s. 128(3) Akta, Ketua Pengarah Kastam hanya boleh mengarah rujukan pada mahkamah setelah keadaan-keadaan ini berlaku: (i) tempoh penahanan dan penyitaan telah melampaui satu bulan dari tarikh penyitaan dan tiada pendakwaan dibuat; (ii) pegawai kanan kastam telah membuat keputusan bahawa barang dagangan itu dianggap dilucutkan hak; dan (iii) pegawai kanan kastam merujuk perkara ini kepada Ketua Pengarah Kastam untuk arahannya. Dalam kes ini, keadaan dalam item (ii) dan item (iii) masih belum berlaku, di mana pegawai kanan kastam masih belum membuat keputusan untuk anggapan perlucutan hak barangan dagangan di dalam 40 kontena tersebut, makanya prosedur lucut hak belum terlaksana untuk pegawai kanan kastam merujuk kepada Ketua Pengarah Kastam bagi arahan-arahan beliau. Oleh itu, berdasarkan pembacaan peruntukan sub-s. 128(3) Akta, plaintif telah nyata khilaf dalam pembacaannya. (perenggan 39, 40 & 42)

(3) Soalan undang-undang yang diajukan oleh plaintif adalah satu soalan yang salah tanggap dan pramatang kerana dalam kes ini persoalan atau isu penahanan berterusan tidak wujud kerana bagi barang dagangan di dalam 40 kontena yang disita semenjak 9 November 2015 walaupun telah melampaui tempoh satu bulan, pegawai kanan kastam masih belum membuat keputusan untuk ianya (barang dagangan tersebut) dianggap

dilucutkan bagi tindakan seterusnya diambil. Justeru, tidak timbul persoalan mengenai wujudnya penahanan barangan tersebut secara berterusan adalah sesuatu bertentangan dengan undang-undang dan menjadikan penyitaan barangan itu menjadi tak sah. (perenggan 42)

(4) Memandangkan soalan-soalan undang-undang yang diajukan plaintif adalah berdasarkan pembacaan salah akan peruntukan s. 128 Akta, maka kedua-dua soalan tersebut tidak perlu dijawab oleh mahkamah ini. Atas alasan ini sahaja, plaintif sememangnya tidak berhak untuk deklarasi yang dipohon dan permohonannya di kandungan 1 hendaklah ditolak. (perenggan 43)

(5) Dalam kes ini, tindakan defendan-defendan menyita barangan tersebut adalah kerana mengesyaki secara munasabah bahawa terdapat perlanggaran di bawah s. 133(1)(a) Akta di mana dengan jelasnya deskripsi barangan dalam Borang K4 adalah berlainan dengan deskripsi Borang ZB1. Dengan perbezaan yang sangat ketara berkenaan jenis barangan dalam pengikraran Borang K4 dan ZB1, defendan-defendan mempunyai asas mengesyaki secara munasabah adanya perlanggaran di bawah Akta dan keraguan munasabah bagi pihak kastam untuk menyita 40 kontena tersebut. (perenggan 47)

Kes-kes yang dirujuk:

Hock Huat Chan Sdn Bhd v. Assan Mohammad & Ors [2008] 4 CLJ 512 HC ***(dirujuk)***

Matrix Material Sdn Bhd v. Mohd Asri bin Yahya & Ors (Saman Pemula No: MT3-24M-141-2010) (Unreported) ***(dirujuk)***

Mehdi Dadashi Havadaragh v. Ketua Pengarah Jabatan Kastam DiRaja Malaysia & Ors [2015] 4 CLJ 607 CA ***(dirujuk)***

Soong Chee Kong v. PP & Another Case [1950] 1 LNS 84 HC ***(dirujuk)***

SS Legend Nautilus (M) Sdn Bhd v. Hamzah Mohd Gauth & Ors [2013] 3 CLJ 947 HC ***(dirujuk)***

Sunthararaju Pachayappan v. Jabatan Kastam DiRaja Malaysia [2010] 3 CLJ 865 HC ***(dirujuk)***

The Director General Of Customs Malaysia And The Director Of Customs, Sarawak & Ors v. Chong Yin Kim Trading Sdn Bhd & Ors And Another Appeal [2016] 9 CLJ 130 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Customs Act 1967, ss. 52, 114(1), (3), 115(1)(a), (b), 128(1)(a), (b), (c), (2), (3), (4), 133(1)(a)

Evidence Act 1950, ss. 101, 102, 103, 104

Federal Constitution, art. 13

Bagi pihak plaintif - JR Ravendren; T/n JR Ravendren & Assocs
Bagi pihak defendan - Norliza Zulkifli; Peguam Kanan Persekutuan

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel

PENGHAKIMAN

Azimah Omar PK:

Pengenalan

[1] Plaintif di dalam kes ini adalah sebuah perniagaan perkongsian bernama Modern Freight Express. Perniagaan yang dijalankan plaintif adalah menyediakan perkhidmatan penghantaran perkapalan termasuk membuat pengisytiharan dan pelepasan barangan yang dibawa masuk atau keluar kawasan zon bebas Pelabuhan Klang Malaysia.

[2] Defendan pertama (Afzarizzal bin Abdul Wahab) adalah Penolong Pengarah Kastam di Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Selangor.

[3] Defendan kedua adalah Pengarah Kastam Negeri Selangor yang merupakan pegawai kanan yang bertanggungjawab mengelola, mengawasi dan mengawal selia defendan pertama.

[4] Defendan ketiga adalah Ketua Pengarah Kastam Malaysia yang juga adalah pegawai kanan yang bertanggungjawab mengelola, mengawasi dan mengawal selia defendan pertama dan defendan kedua.

[5] Defendan keempat adalah Kerajaan Malaysia dan merupakan majikan kepada defendan pertama, defendan kedua dan defendan ketiga. Defendan keempat pada setiap masa yang matan adalah bertanggungan secara vikarius ke atas segala tindakan, keingkaran dan/atau peninggalan oleh defendan pertama, defendan kedua dan defendan ketiga tersebut di dalam menjalankan kewajipan statutori mereka.

[6] Defendan pertama, defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat selepas daripada ini kadangkala akan dirujuk sebagai defendan-defendan.

[7] Plaintif telah memfailkan satu saman pemula (kandungan 1) di mahkamah ini pada 14 Januari 2016. Di dalam saman pemulanya plaintif bukan sahaja memohon relif berbentuk deklarasi dan ganti rugi tetapi juga memohon mahkamah ini untuk memutuskan dua persoalan undang-undang di mana menurut plaintif pemutusan atau jawapan kepada dua soalan undang-undang tersebut akan membangkitkan relif atau remedi yang dipohon oleh plaintif.

[8] Dua soalan undang-undang yang plaintif memohon untuk diputuskan oleh mahkamah ini adalah seperti berikut:

> 1. Samada berdasarkan kepada satu pentaksiran yang benar dan tepat terhadap subseksyen 128(3) dan subseksyen 128(4) Akta Kastam 1967 (Akta 235) bahawasanya dalam keadaan di mana tiada pendakwaan dijalankan dan dimana tuntutan sewajarnya dibuat oleh Plaintif terhadap 'Beer' (selepas ini dirujuk sebagai "barang tersebut") didalam 40 buah kontena masing-masing seperti di

A Lampiran "A", yang disita oleh defendan-defendan pada 9.11.2015, defendan-defendan yang gagal dan/atau enggan melepaskan barang tersebut adalah tidak berkuasa disisi undang-undang untuk terus menyita barang tersebut selepas tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaan tanpa dirujuk kepada Mahkamah adalah menyalahi undang-undang; dan

B

2. Samada berdasarkan kepada satu pentafsiran yang benar dan tepat terhadap subseksyen 128(3) Akta Kastam 1967 (Akta 235) kegagalan dan/atau keengganan defendan-defendan untuk melepaskan barang tersebut kepada plaintif dan kegagalan dan/atau keengganan defendan-defendan untuk merujuk tuntutan plaintif terhadap
C barang tersebut kepada Mahkamah selepas tamatnya 1 bulan kalendar dari tarikh penyitaan barang tersebut hanya menjadikan penyitaan barang tersebut sebagai tidak sah.

[9] Manakala, relif yang dipohon oleh plaintif yang dipetik di dalam saman pemulanya adalah seperti berikut:

D MAKA Plaintif menuntut:

1. Satu Deklarasi bahawa penyitaan barang tersebut oleh defendan pertama adalah menyalahi undang-undang dan dengan demikian tidak sah.

E 2. Gantirugi khas, gantirugi am dan gantirugi teladan ditaksir oleh Pendaftar Mahkamah yang Mulia ini dan dibayar oleh defendan-defendan kepada Plaintif.

3. Faedah pada kadar 5% atas jumlah gantirugi yang diperintahkan dibawah Perenggan 2 diatas dari tarikh penyitaan barang tersebut sehingga penyelesaian penuh.

F

4. Kos permohonan ini dibayar oleh Defendan-defendan.

5. Lain-lain relif selanjutnya yang Mahkamah Mulia ini dianggap sesuai dan adil.

Latar Belakang Kes

G

[10] Sebelum mahkamah ini mempertimbangkan permohonan plaintif, wajar kiranya latar belakang kes yang membawa kepada plaintif memfailkan permohonan dinyatakan di sini.

(a) Pada sekitar 16 September 2015 dan 17 September 2015, plaintif telah
H dilantik oleh beberapa konsainor-konsainor untuk mengambil pemilikan dan menguruskan perisytiharan, pelepasan dan perkapalan konsainmen barangan "beer" dan "apple cider" yang diangkut di dalam empat puluh (40) buah kontena masing-masing dari Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang untuk dihantar kepada konsignee-konsignee di Singapura secara
I berperingkat.

(b) Atas perlantikan tersebut, plaintif telah telah diarahkan untuk mengambil milikan atas barang tersebut yang disimpan di dalam empat puluh (40) buah kontena tersebut di Pelabuhan Utama, Pelabuhan

Klang. Seterusnya konsainor-konsainor tersebut telah menyerahkan secara kurier kepada plaintif sesalinan bill of lading, invois dan packing list bagi barang tersebut dalam 40 buah kontena tersebut untuk tujuan penghantaran barang tersebut dari Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang ke Singapura.

(c) Menurut plaintif, mereka telah mendapat kelulusan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) untuk membawa masuk barangan tersebut ke Zon Bebas Pelabuhan Utara melalui pengikraran borang-borang yang ditetapkan.

(d) Bagi mengetahui status dan kedudukan barang dagangan di dalam 40 kontena tersebut, plaintif telah membuat semakan secara on line melalui 'online Container Query' dan telah mendapati bahawa pihak kastam telah menahan 40 kontena tersebut di Zon Bebas Pelabuhan Utara. Semakan seterusnya dengan pejabat kastam, plaintif telah dimaklumkan bahawa 40 buah kontena tersebut telah ditahan dan disita oleh pihak kastam semenjak 9 November 2015.

(e) Plaintif melalui surat peguam cara mereka Tetuan JR Ravendren & Associates bertarikh 19 November 2015, telah menuntut defendan kedua supaya melepaskan barang dagangan di dalam 40 buah kontena tersebut tetapi permintaan plaintif telah tidak diendahkan oleh defendan kedua.

(f) Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah s. 114 Akta 235, defendan pertama telah mengeluarkan suatu notis penyitaan di bawah s. 114 Akta 235 (notis sitaan 114) bagi mengesahkan penyitaan barang dagangan di dalam 40 buah kontena tersebut dan notis sitaan 114 ini telah diterima oleh plaintif pada 30 November 2015.

(g) Plaintif sekali lagi melalui surat peguam cara mereka Tetuan JR Ravendren & Associates bertarikh 30 November 2015, telah menuntut supaya defendan kedua melepaskan barang dagangan di dalam 40 buah kontena tersebut namun permintaan plaintif telah tidak diendahkan oleh defendan kedua.

(h) Memandangkan defendan-defendan telah enggan melepaskan barang dagangan di dalam 40 kontena tersebut, plaintif telah memfailkan saman pemula di kandungan 1 memohon relif-relif seperti yang dinyatakan di perenggan 8 dan perenggan 9 penghakiman.

Bantahan Atas Afidavit Balasan Defendan-defendan

[11] Defendan-defendan telah menentang permohonan plaintif. Bagi menentang permohonan plaintif, Ranjit Singh Hardev Singh (Ranjit Singh) Penolong Kanan Pengarah Kastam II, Cawangan Operasi telah pun mengikrarkan afidavit-afidavit jawapan/balasan di kandungan 4, kandungan 8 dan kandungan 11.

[12] Pendeposan atau pengikraran afidavit jawapan oleh Ranjit Singh ini telah dibantah oleh plaintif atas alasan Ranjit Singh bukanlah pegawai penyitaan (seizing officer) ataupun pegawai penyiasat bagi barang dagangan yang disita. Menurut plaintif, Ranjit Singh tidak mempunyai *locus* atau kapasiti undang-undang untuk mengikrarkan afidavit jawapan defendan-defendan.

[13] Adalah menjadi dapatan mahkamah ini bahawa bantahan plaintif tersebut adalah tidak berasas kerana Ranjit Singh adalah pegawai kastam yang mempunyai kelayakan wajar bagi mendepos afidavit jawapan kerana beliau adalah Penolong Pengarah Kanan II di mana defendan pertama adalah di bawah penyeliaan beliau. Di samping itu Ranjit Singh adalah terlibat secara langsung dengan kes ini dan beliau merupakan pegawai yang bertanggungjawab atas pengendalian sitaan 40 kontena tersebut. Maka dengan itu kapasiti Ranjit Singh untuk mengikrarkan afidavit jawapan tidaklah boleh dipertikaikan.

Kes Defendan

[14] Defendan-defendan telah menentang keras permohonan plaintif atas dua alasan:

(i) Penahanan 40 kontena barang dagangan tersebut yang telah dibuat pada 9 November 2015 dan kemudiannya disita dengan pengeluaran notis sitaan di bawah s. 114 Akta bertarikh 27 November 2015 adalah penahanan dan penyitaan yang sah menurut undang-undang.

(ii) Penahanan dan penyitaan berterusan barang dagangan tersebut adalah sah di sisi undang-undang kerana plaintif bukanlah tuan punya barang dagangan di dalam 40 kontena tersebut di sisi undang-undang. Semasa penyiasatan dijalankan oleh defendan-defendan, tidak ada mana-mana wakil plaintif telah hadir untuk membuktikan ketuanpunyaan mereka ke atas barangan tersebut.

[15] Defendan-defendan mengakui bahawa barang dagangan di dalam 40 kontena telah ditahan di dalam Zon Bebas Pelabuhan Utara semenjak 9 November 2015. Penahanan telah dibuat berdasarkan maklumat dan melalui sistem dahulu serta telah dibuat secara berperingkat-peringkat.

[16] Setelah penahanan melalui sistem dibuat, pihak kastam telah membuat semakan ke atas 40 kontena tersebut. Pihak kastam telah mendapati bahawa di dalam borang inward manifest iaitu Borang K4, barang dagangan yang diikrarkan di dalam Borang K4 adalah berbeza dengan barang dagangan yang diikrarkan di dalam Borang ZB1 yakni borang zon bebas. Perbezaan deskripsi atau jenis barang dagangan di dalam Borang K4 dan Borang ZB1 telah disenaraikan oleh Ranjit Singh di dalam jadual di perenggan 12, kandungan 4 (afidavit jawapan). Jadual tersebut diperturunkan di bawah ini:

Berikut adalah perbezaan barangan yang diikrarkan oleh 40 kontena tersebut:

Bil	Borang ZB	Pengikraran dalam ZB1	Pengikraran dalam K4
1.	ZB1201510064422	Beer	High Pressure Cleaner
2	ZB120150065558	Beer	Window Frame
3	ZB1201510064932	Beer	Window Frame
4	ZB1201510064948	Beer	High Pressure Cleaner
5	ZB1201510064933	Beer	Shower Set
6	ZB1201510064409	Beer	High Pressure Cleaner
7	ZB1201510065566	Beer	Shower Set
8	ZB1201510065554	Beer	High Pressure Cleaner
9	ZB1201510055560	Beer	Shower Set
10	ZB1201510065561	Beer	High Pressure Cleaner
11	ZB1201510065555	Beer	Window Frame
12	ZB1201510064426	Beer	Window Frame
13	ZB1201510064420	Beer	Shower Set
14	ZB1201510064421	Beer	High Pressure Cleaner
15	ZB1201510064862	Beer	Window Frame
16	ZB1201510064424	Beer	High Pressure Cleaner
17	ZB1201510064795	Beer	Window Frame
18	ZB1201510064837	Beer	Shower Set
19	ZB1201510064799	Beer	Serving Tray
20	ZB120150064797	Beer	Window Frame
21	ZB120150064796	Beer	Window Frame

S\N QDSSESNJXE4X

Note: Serial number will be used to originality of this document via eFILING portal

22	ZB120150067778	Beer	Shower Set
23	ZB120150066784	Beer	Flexible Hose
24	ZB120150066297	Beer	Window Frame
25	ZB120150066343	Beer	Air Compressor
26	ZB120150066763	Beer	Sauna
27	ZB120150066347	Beer	Jacuzzi
28	ZB120150061493	Beer	Welding Machine (Invertor DC Arc)
29	ZB120150063703	Apple Cider	Bolt/Nut
30	ZB120150063758	Beer	Window Frame
31	ZB120150061526	Beer	Welding Spareparts & Accessories
32	ZB120150061480	Beer	Packing & Sealing Machine
33	ZB120150061473	Beer	Roofing Nail
34	ZB120150058399	Beer	Moulding Machine
35	ZB120150058422	Beer	Water Filter Set
36	ZB120150058420	Beer	Moulding Machine
37	ZB120150058415	Beer	Paper Plate/Cup & Serving Tray
38	ZB120150058412	Beer	Welding Machine Protector & Visor
39	ZB120150063759	Beer	Air Compressor
40	ZB1201510064421	Beer	Welding Machine Protector & Visor

(Sesalinan Borang K4 tersebut dilampir secara kolektif dan ditandakan sebagai Ekshibit "RS-2")

S\N QDSSESNJXE4X

Note: Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

[17] Perbezaan-perbezaan pengikraran di dalam kedua-dua borang K4 dan ZB1 telah menimbulkan syak wasangka yang munasabah (reasonable suspicion) di pihak kastam dan oleh itu, pengarah risik telah mengarahkan supaya 40 kontena tersebut ditahan dan disita menurut s. 114 Akta 235 kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah s. 133(1)(a) Akta 235 *inter alia*, "makes, orally or in writing, or signs any declaration, certificate or other document required by this Act which is untrue or incorrect in any particular".

[18] Menurut defendan-defendan, notis sitaan 114 ini bukan sahaja telah dikeluarkan kepada plaintif tetapi juga kepada syarikat-syarikat seperti yang diekshibitkan di "R-3", kandungan 4. Di samping itu, menurut defendan-defendan Borang K4 bagi kesemua 40 kontena tersebut tidak merujuk plaintif sebagai tuan punya dan tambahan kepada itu plaintif atau wakilnya juga tidak hadir pada masa siasatan bagi mengesahkan yang mereka adalah tuan punya barang dagangan tersebut. Maka, dengan itu barang dagangan tersebut tidak boleh diserahkan kepada plaintif.

Hujahan Plaintif

[19] Peguam plaintif di sebaliknya telah menghujahkan bahawa pengisuan notis sitaan 114 bertarikh 27 November 2015 oleh defendan pertama adalah sesuatu yang afterthought kerana pada masa notis sitaan 114 itu dikeluarkan, plaintif telah pun membuat tuntutan pelepasan barang dagangan yang tersebut melalui surat peguam cara mereka bertarikh 19 November 2015. Menurut peguam plaintif surat bertarikh 19 November 2015 ini adalah merupakan notis yang memadai bagi menekankan bahawa plaintif adalah tuan punya barang dagangan di dalam 40 kontena tersebut dan ianya juga merupakan satu notis tuntutan yang dibuat menurut undang-undang.

[20] Peguam plaintif seterusnya telah menghujahkan bahawa plaintif telah pun mendapat kelulusan LPK untuk membawa masuk barang dagangan tersebut ke dalam Zon Bebas Pelabuhan Utara dan membawanya keluar bagi tujuan penghantaran melalui kapal laut ke Singapura. Penahanan berterusan barang dagangan tersebut sejak 9 November 2015 oleh defendan-defendan dengan tiada pendakwaan dibawa terhadap mana-mana pihak dan penahanan dan penyitaan yang melampaui satu bulan kalendar dan penyitaan barang dagangan ini telah tidak dirujuk ke mahkamah, maka menjadikan penahanan berterusan barang dagangan tersebut adalah satu penahanan yang tidak sah.

[21] Adalah menjadi hujahan plaintif juga, defendan-defendan adalah berkewajipan statutori melepaskan barang dagangan tersebut kepada plaintif. Kegagalan defendan-defendan melepaskan barang dagangan tersebut kepada plaintif adalah satu yang bertentangan dengan per. 13 Perlembagaan Persekutuan yang mana plaintif sebagai tuan punya barang dagangan tersebut telah dinafikan hak terhadapnya.

[22] Plaintif juga telah menafikan pengataan defendan-defendan yang plaintif tidak hadir dengan pekongsi apabila penyiasatan dijalankan oleh defendan. Menurut plaintif, pekongsi plaintif telah hadir bersama peguam cara plaintif.

[23] Plaintif menghujahkan juga bahawa tidak ada sebarang permit diperlukan untuk barangan tersebut kerana barangan tersebut adalah di dalam Zon Bebas Pelabuhan kerana di bawah Customs (Prohibition of Import) Order 2012, barang dagangan hanya dianggap diimpot apabila ianya dibawa keluar dari zon bebas tersebut ke dalam kawasan prinsipal kastam.

[24] Plaintif telah bersandarkan kepada autoriti-autoriti yang disenaraikan di bawah ini bagi menyokong kesnya.

i. *Mehdi Dadashi Havadaragh v. Ketua Pengarah Jabatan Kastam DiRaja Malaysia & Ors* [2015] 4 CLJ 607; [2015] 4 MLJ 646 (CA), ii. *Suntharaju Pachayappan v. Jabatan Kastam DiRaja Malaysia* [2010] 3 CLJ 865 (HC), iii. *SS Legend Nautilus (M) Sdn Bhd v. Hamzah Mohd Gauth & Ors* [2013] 3 CLJ 947, iv. *Soong Chee Kong v. Public Prosecutor* [1950] 1 LNS 84; [1951] 17 MLJ 5 and v. *Matrix Material Sdn Bhd v. Mohd Asri bin Yahya & Ors* (Saman Pemula No: MT3-24M-141-2010).

Tafsiran Sebenar s. 128 Akta 235

[25] Dua soalan undang-undang yang diajukan oleh plaintif kepada mahkamah ini pada dasarnya memohon mahkamah ini membuat tafsiran sub-s. 128(3) Akta 235, di mana apabila suatu penyitaan dan penahanan barangan telah dibuat oleh Jabatan Kastam dan sekiranya tidak ada pendakwaan dibawa terhadap mana-mana pihak atas barangan yang disita dalam tempoh satu bulan dan perkara sitaan barangan tersebut telah tidak dirujuk kepada mahkamah dan barangan tersebut tidak dilepaskan, maka adakah penahanan barangan tersebut secara berterusan adalah sesuatu bertentangan dengan undang-undang dan menjadikan penyitaan barangan itu menjadi tidak sah.

[26] Menurut plaintif, sekiranya mahkamah memutuskan jawapan-jawapan kepada kedua-dua soalan tersebut adalah positif maka plaintif berhak mendapat satu deklarasi bahawa penyitaan barangan tersebut adalah menyalahi undang-undang dan dengan demikian ianya tidak sah dan plaintif juga dengan itu berhak kepada ganti rugi khas, ganti rugi am dan ganti rugi teladan untuk ditaksirkan oleh mahkamah.

[27] Plaintif di dalam kes ini cuba mendapatkan satu pemutusan daripada mahkamah ini berkenaan pembacaan sub-s. 128(3) dan sub-s. 128(4) Akta 235 yang mana sekiranya pembacaannya adalah seperti dihujahkan oleh plaintif iaitu apabila suatu penahanan dan penyitaan barangan telah dibuat oleh pihak kastam dan jika selepas tempoh penahanan dan penyitaan itu telah melampaui sebulan kalendar dan tidak ada pendakwaan terhadap mana-mana pihak berkaitan dengan barangan tersebut dan penyitaan itu juga tidak

dirujuk kepada mahkamah, penahanan berterusan barangan tersebut adalah tidak sah di sisi undang-undang dan menjadikan penahanan dan penyitaan barangan tesebut adalah tidak sah. Sekiranya pembacaan sub-s. 128(3) Akta 235 adalah sedemikian, maka plaintif berhak untuk mendapatkan suatu deklarasi bahawa penahanan dan penyitaan barang dagangan di dalam 40 kontena itu tidak sah. Begitu juga dengan penahanan dan penyitaan berterusan barang dagangan tersebut adalah tidak sah dan plaintif dengan itu berhak dipampas ganti rugi atas penafian haknya terhadap barang dagangan tersebut.

[28] Pertamanya, perlu dinyatakan di sini bahawa plaintif telah datang ke mahkamah ini untuk satu pemutusan pembacaan terhadap peruntukan sub-s. 128(3) Akta 235. Untuk itu keseluruhan s. 128 Akta 235 perlu diperturunkan di bawah ini.

> Good seized in respect of which there is no prosecution, or the proceeds of sale thereof, are forfeited if not claimed within one month
>
> 128(1) If there be no prosecution with regard to any goods seized under this Act, such goods or the proceeds of sale of such goods which are held pursuant to paragraph 115(1)(c) shall be taken and deemed to be forfeited at the expiration of one calendar month from the date of seizure of the goods unless, before such expiration:
>
> (a) a claim to such goods or the proceeds of sale of such goods is made under subsection (2);
>
> (b) a written application is made for the return of such goods under paragraph 115(1)(a) or (b); or
>
> (c) such goods are returned under the said paragraph (a) or (b).
>
> (2) Any person asserting that he is the owner of such goods or the proceeds of sale of such goods, as the case may be, and that they are not liable to forfeiture may give written notice to a senior officer of customs that he claims the same.
>
> (3) On the expiration of the period mentioned in subsection (1), or, if a decision is made earlier that there be no prosecution with regard to the goods, on the making of the decision the senior officer of customs shall, if such goods or the proceeds of sale of such goods are not taken and deemed to be forfeited under that subsection, refer the claim to the Director General who may direct that such goods or the proceeds of sale of such goods or the security furnished under paragraph 115(1)(a) or (b), as the case may be, be released, or may direct such senior officer of customs, by information in the prescribed form, to refer the matter to a Magistrate of the First Class for his decision.
>
> (4) The Magistrate of the First Class shall issue a summons requiring the person asserting that he is the owner of the goods or the proceeds of sale of such goods, and the person from whom the goods were seized, to appear before him, and upon their appearance or default to appear, due service of such summons being proved, the Magistrate of the First Class shall proceed to the examination of the matter, and upon proof that an

offence against this Act or any regulations made there under has been committed and that such goods were the subject matter, or were used in the commission, of such offence, shall order such goods or the proceeds of sale of such goods or the amount secured under paragraph 115(1)(a) or (b), as the case may be, to be forfeited, or in the absence of such proof, may order the release of such goods or the proceeds of sale of such goods or the security furnished under paragraph 115(1)(a) or (b), as the case may be.

(5) In any proceedings under subsection (4), section 119 shall apply to the person asserting that he is the owner of the goods and to the person from whom they were seized as if such owner or person had been the defendant in a prosecution under this Act.

[29] Tajuk s. 128 Akta 235 ini jelas memperuntukkan "good seized in respect of which there is no prosecution, or the proceeds of sale thereof, are forfeited if not claimed within one month". Tajuk ini menyatakan bahawa di dalam hal barangan yang telah disita di mana tiada pendakwaan berkaitan dengannya, atau hasil jualan daripada barangan tersebut, adalah dilucut hak sekiranya ianya tidak dituntut dalam masa satu bulan. Tajuk ini memperuntukkan hak untuk melucut hak barangan atau hasil jualannya kalau tiada tuntutan dibuat mengenainya dibuat oleh mana-mana pihak.

[30] Subseksyen 128(1) Akta 235 seterusnya memperuntukkan bahawa hak bagi menganggap barang dagangan yang disita dilucutkan hak (shall be taken and deemed to be forfeited at the expiration of one calendar month from the date of seizure of the goods) kerana tiada pendakwaan dibawa apabila tempoh penyitaan telah melampaui satu bulan dari tarikh penyitaan ini akan hanya boleh diguna pakai (invoked) apabila tiga keadaan di bawah ini tidak berlaku:

(a) a claim to such goods or the proceeds of sale of such goods is made under subsection (2);

(b) a written application is made for the return of such goods under paragraph 115(1)(a) or (b); or

(c) such goods are returned under the said paragraph (a) or (b).

[31] Dalam erti kata lain sub-s. 128(1) Akta 235 ini memperuntukkan bahawa apabila tidak ada pendakwaan dibawa apabila tempoh penyitaan telah melampaui satu bulan kalendar, wujud atau timbul hak ke atas pihak yang membuat penyitaan untuk tanggapan perlucutan hak barangan yang disita. Namun hak ini tidak timbul sekiranya tiga keadaan yang dinyatakan di dalam sub-s. 128(1)(a), atau 128(1)(b) atau s. 128(c) berlaku.

[32] Seterusnya sub-s. 128(2) Akta 235 pula memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang membuat tegasan (asserting) bahawa ia adalah tuan punya barangan tersebut dan barangan tersebut tidak boleh dilucut hak boleh memberi notis secara bertulis kepada pegawai kanan kastam dan menuntut barangan tersebut.

[33] Subseksyen 128(3) Akta 235 pula memperuntukkan bahawa apabila tempoh yang dinyatakan di dalam sub-s. 128(1) itu tamat dan keputusan mengenainya dibuat tiada pendakwaan, maka pegawai kanan kastam hendaklah sekiranya barangan atau hasil barangan tersebut tidak diambil atau dianggap dilucutkan hak merujuk kepada Ketua Pengarah yang boleh mengarahkan sama ada barangan tersebut dilepaskan dengan jaminan di bawah s. 115(1)(a) atau (b) ataupun mengarahkan bahawa perkara barang dagangan itu dirujuk kepada Majistret Kelas Pertama.

[34] Subseksyen 128(4) Akta 235 pula memperuntukkan bahawa apabila perujukan dibuat kepada mahkamah berkenaan, maka suatu inkuiri atau pemeriksaan hendaklah dijalankan oleh Majistret dan keputusan mengenai barangan itu hendaklah dibuat oleh Majistret berkenaan.

[35] Justeru bagi mahkamah ini, daripada pembacaan teliti dan menyeluruh ke atas peruntukan s. 128 Akta 235 ini, sebenarnya peruntukan s. 128 Akta 235 memperuntukkan seperti yang berikut:

(i) ia adalah merupakan satu peruntukan yang membolehkan satu tanggapan perlucutan hak dibuat (deemed to be forfeited) ke atas barangan yang disita atau hasil jualan barangan yang disita.

(ii) tanggapan perlucutan hak ini akan timbul atau wujud di pihak yang membuat penyitaan apabila sekiranya tidak ada pendakwaan dibawa terhadap mana-mana pihak atas barangan yang disita atau hasil jualan barangan yang disita apabila tempoh penyitaan telah melampaui satu bulan dari tarikh penyitaan.

(iii) namun, hak tanggapan perlucutan hak ini tidak timbul atau wujud, sekiranya tiga keadaan yang dinyatakan di bawah sub-s. 128(1) berlaku.

[36] Justeru itu, pada dasarnya s. 128 Akta 235 memberi hak atau kuasa perlucutan hak atau forfeiture di dalam keadaan yang diterangkan dengan jelas oleh sub-s. 128(1), sub-s. 128(2) dan sub-s. 128(3).

[37] Seksyen 128 tidak langsung memperuntukkan bahawa pendakwaan hendaklah dibawa dalam tempoh satu bulan dari tarikh penahanan dan penyitaan. Di dalam hal ini, mahkamah ini suka merujuk kepada apa yang telah diputuskan oleh Hakim Rhodzariah Bujang di dalam kes *The Director General Of Customs Malaysia And The Director Of Customs, Sarawak & Ors v. Chong Yin Kim Trading Sdn Bhd & Ors And Another Appeal* [2016] 9 CLJ 130 di mana Hakim Rhodzariah Bujang telah membuat tafsiran peruntukan s. 128 dan s. 114 Akta 235 dan perbezaan kedua-duanya dengan mengatakan berikut:

> (1) Sections 128 and s. 114 of the Act are distinct provisions. Section 128 does not stipulate that the prosecution of the offence for the good seized must be done within one month from the date of seizure. Section 128 of the Act only deemed forfeiture of the goods seized if there was no prosecution within one month from the date of the seizure unless the three situations as stated in s. 128(1)(a) to (c) happened ...

[38] Plaintif telah menghujahkan bahawa defendan-defendan berkewajipan untuk merujuk perkara penyitaan kepada mahkamah sekiranya tiada pendakwaan dibawa selepas satu bulan dari tarikh penyitaan. Mahkamah ini perlu menekankan bahawa plaintif sebenarnya khilaf mengenai undang-undang berkaitan s. 128 khasnya sub-s. 128(1) dan sub-s. 128(3). Pertamanya, plaintif telah khilaf berkenaan bahawa tempoh satu bulan yang dinyatakan di dalam sub-s. 128(3), tempoh satu bulan itu bukanlah bagi maksud pendakwaan mestilah dijalankan dalam tempoh satu bulan dari tarikh penyitaan tetapi tempoh masa itu adalah bagi maksud hak tanggapan perlucutan hak. Keduanya berkenaan rujukan kepada mahkamah. Subseksyen 128(3) seterusnya memperuntukkan bahawa sekiranya pegawai kanan kastam membuat keputusan bahawa barang dagangan atau hasil jualannya dianggap dilucutkan, ia hendaklah merujuk kepada Ketua Pengarahnya yang boleh mengarahkan sama ada barang dagangan atau hasil jualan tersebut dilepaskan dengan sekuriti di bawah s. 115 ataupun merujuk kepada Majistret Kelas Pertama.

[39] Mahkamah ini perlu juga menekankan di sini menurut sub-s. 128(3) Akta 235, Ketua Pengarah hanya boleh mengarah rujukan kepada mahkamah setelah keadaan-keadaan ini berlaku:

> (i) tempoh penahanan dan penyitaan telah melampaui satu bulan dari tarikh penyitaan dan tiada pendakwaan dibawa, dan
>
> (ii) **pegawai kanan kastam telah membuat keputusan bahawa barang dagangan itu dianggap dilucutkanhak,** dan
>
> (iii) **pegawai kanan kastam merujuk perkara ini kepada Ketua Pengarah untuk arahannya** (penekanan oleh mahkamah ini)

[40] Di dalam kes ini, keadaan dalam item (ii) dan item (iii) masih belum berlaku, di mana pegawai kanan kastam masih belum membuat keputusan untuk anggapan perlucutan hak barang dagangan di dalam 40 kontena tersebut, makanya prosedur lucut hak belum terlaksana untuk pegawai kanan kastam merujuk kepada Ketua Pengarahnya bagi arahan-arahan beliau.

[41] Plaintif di dalam mengajukan soalan undang-undangnya telah memahami sub-s. 128(3) sebagai berikut:

> di mana apabila suatu penyitaan dan penahanan barangan telah dibuat oleh Jabatan Kastam dan sekiranya tidak ada pendakwaan di bawa terhadap mana-mana pihak atas barangan yang disita dalam tempoh satu bulan dari tarikh penyitaan dan penyitaan barangan tersebut tidak dirujuk kepada mahkamah dan barangan tersebut tidak dilepaskan, maka adakah penahanan barangan tersebut secara berterusan adalah sesuatu bertentangan dengan undang-undang dan menjadikan penyitaan barangan itu menjadi taksah.

[42] Berdasarkan pembacaan peruntukan sebenar sub-s. 128(3) Akta 235, plaintif telah nyata khilaf di dalam pembacaannya. Oleh itu adalah menjadi dapatan mahkamah ini soalan undang-undang yang diajukan oleh plaintif

adalah satu soalan yang salah tanggap dan pramatang kerana di dalam kes ini persoalan atau isu penahanan berterusan tidak wujud kerana bagi barang dagangan di dalam 40 kontena yang disita semenjak 9 November 2015 walaupun telah melampaui tempoh satu bulan, pegawai kanan kastam masih belum membuat keputusan untuk ianya (barang dagangan tersebut) dianggap dilucutkan bagi tindakan seterusnya diambil. Justeru, di dalam keadaan kes ini tidak timbul persoalan mengenai wujudnya penahanan barangan tersebut secara berterusan adalah sesuatu bertentangan dengan undang-undang dan menjadikan penyitaan barangan itu menjadi tak sah.

[43] Memandangkan soalan-soalan undang-undang yang diajukan plaintif adalah berdasarkan pembacaan salah akan peruntukan s. 128 Akta 235 maka kedua-dua soalan tersebut tidak perlu dijawab oleh mahkamah ini kerana mahkamah ini telah menerangkan secara terperinci pembacaan sebenar s. 128 Akta 235. Atas alasan ini sahaja, plaintif sememangnya tidak berhak untuk deklarasi yang dipohon dan permohonannya di kandungan 1 hendaklah ditolak.

Benarkah Penahanan Dan Penyitaan Yang Dilaksanakan Oleh Defendan Tidak Sah Di Sisi Undang-Undang

[44] Namun, untuk tujuan kesempurnaan, mahkamah ini akan mempertimbangkan benarkah penyitaan yang dibuat oleh defendan-defendan tidak sah di sisi undang-undang.

[45] Undang-undang mengenai kuasa penahanan dan penyitaan oleh pihak kastam adalah jelas dan jitu, s. 114(1) Akta 235 jelas memperuntukkan seperti berikut:

> (1) All goods in respect of which there has been, or there is, **reasonable cause to suspect** that there has been committed any offence against this Act or any regulation made thereunder, or any breach of any of the provisions of this Act or of any regulation made thereunder or of any restriction or condition subject to or upon which any licence or permit has been granted, together with any receptacle, package, conveyance, vessel not exceeding two hundred tons nett registered tonnage, or aircraft other than an aircraft engaged in international carriage, in which the same may have been found or which has been used in connection with such offence or breach, and any books or documents which may reasonably be believed to have a bearing on the case, **may be seized by any officer of customs** in any place either on land or in territorial waters. (penekanan mahkamah ini)

[46] Apa yang dikatakan reasonable cause to suspect telah diterangkan di dalam kes *Hock Huat Chan Sdn Bhd v. Assan Mohammad & Ors* [2008] 4 CLJ 512. Hakim Mahkamah Tinggi Wong Dak Wah (YA ketika itu) telah memutuskan bahawa:

> In my view, there is no difference in the two tests and my reason for saying so is this. Both s. 114(1) and s. 132 of the Customs Act are provisions concerning seizure. The former states that as long as the relevant officers had 'reasonable cause to suspect', any seizure made on

A that promise is deemed to be legal. If that seizure is legal it is legal for the whole Act. To construe a different test for the phrase "reasonable or probable cause" appearing in s. 132 of the Customs Act does not make sense and contrary to sensible interpretation of provisions in statute. What is "reasonable cause to suspect" can of course only be gathered from the circumstances of each individual case.

B

[47] Di dalam kes ini tindakan defendan-defendan menyita barangan tersebut adalah mengesyaki secara munasabah bahawa terdapat perlanggaran di bawah s. 133(1)(a) Akta 235 di mana dengan jelasnya deskripsi barangan di dalam Borang K4 adalah berlainan dengan deskripsi Borang ZB1.

C **[48]** Di bawah s. 52 Akta 235 jelas diperuntukkan bahawa "the master or agent of every vessel" mestilah menyerahkan Borang K4 kepada "proper officer of the customs". Seksyen 52 Akta 235 berbunyi:

> Save as provided in subsection (3), the master or agent of every vessel, other than a local craft, arriving in any customs port, shall, within twenty-
D four hours after arrival and before any cargo is unshipped, present to the proper officer of customs at the customs office a true inward manifest of the vessel in the National Language or in English, substantially in the prescribed form, certified by such master or agent, together with a duplicate copy thereof containing all particulars as to marks, numbers and contents of each package intended to be landed at the customs port,
E together with the names of shippers and consignees of the same, if known to him, and the proper officer of customs may, at his discretion, demand, in addition, a complete manifest of the whole cargo of the vessel and complete list of stores on board such vessel.

[49] Tambahan itu, 'customs port' menurut r. 11, Law And Regulations
F Applicable To The Malaysia Royal Customs And Excise Department 2006/07 dinyatakan berikut:

> The ports, landing places, places of import and export, routes for import and export, airports inland clearance depot and inland customs stations set forth in the First Schedule to these Regulations are prescribed as
G customs port, legal landing places, places of import and export, routes for import and export, customs airport inland clearance depot and inland customs station, for the import or export of such goods, as are prescribed in the said Schedule." manakala Jadual 1 yang menyatakan Pelabuhan Klang merupakan 'customs port', "the wharves and jetties of the Port Klang Port Authority on the east bank of the Klang Straits between
H Sungei Tiga and Sungei Puloh".

Maka, walaupun pelabuhan itu adalah di dalam kawasan "Free Trade Zone", borang manifest K4 mestilah diberi kepada pihak kastam.

[50] Dengan perbezaan yang sangat ketara berkenaan jenis barangan di
I dalam pengikraran Borang K4 dan ZB1, adalah menjadi dapatan mahkamah bahawa defendan-defendan mempunyai asas mengesyaki secara munasabah "reasonable suspicion" adanya perlanggaran di bawah Akta 235 dan keraguan munasabah bagi pihak kastam itu menyita 40 kontena tersebut.

Oleh yang demikian penyitaan yang dibuat terhadap barang dagangan di dalam 40 kontena adalah atas syak wasangka munasabah yang suatu kesalahan di bawah s. 133 Akta 235 dilakukan.

[51] Plaintif telah menghujahkan bahawa notis sitaan 114 yang dikeluarkan oleh defendan pertama adalah sesuatu yang afterthought kerana ia telah hanya dikeluarkan selepas surat plaintif bertarikh 19 Mei 2015. Mahkamah ini berpandangan bahawa hujahan ini adalah tidak berasas kerana penahanan dan penyitaan yang dibuat adalah berasaskan syak wasangka munasabah "reasonable suspicion" dan menurut s. 114(3) Akta 235, defendan telah dengan mengeluarkan notis sitaan 114 tersebut kepada plaintif dan juga syarikat-syarikat perkapalan lain seperti di dalam eks. "RS3", kandungan 4 kerana defendan-defendan tidak dapat menentusahkan "ownership" barangan tersebut. Surat bertarikh 19 November 2015 bukanlah suatu surat oleh tuan punya barangan yang menuntut barangan kepunyaannya tetapi adalah surat dari peguam yang mewakili seorang ejen. Justeru, itu notis sitaan 114 dikeluarkan. Seksyen 114(3) Akta 235 yang memperuntukkan seperti berikut:

> (3) Whenever any goods, conveyances, vessels or aircraft are seized under this Act, the seizing officer shall forthwith give notice in writing of such seizure and the grounds thereof to the owner of such goods, if known, either by delivering such notice to him personally or by post at his place of abode, if known:
>
> Provided that such notice shall not be required to be given where such seizure is made on the person, or in the presence of the offender or the owner or his agent, or in the case of vessel or an aircraft, in the presence of the master or pilot, as the case may be.

[52] Mahkamah ini tidak dapat menerima hujahan plaintif bahawa defendan berkewajipan statutori untuk melepaskan barang dagangan di dalam 40 kontena tersebut kepadanya apabila tuntutan telah dibuat oleh plaintif melalui surat peguam caranya. Seperti yang dinyatakan awal tadi, sub-s. 128(1) memperuntukkan bahawa barang dagangan yang disita boleh dianggap dilucutkan hak selepas tempoh satu bulan kecuali sebelum tempoh satu bulan itu tamat, tiga keadaan berlaku:

1. a claim to such goods or the proceeds of sale of such goods is made under subsection (2);
2. a written application is made for the return of such goods under paragraph 115(1)(a) or (b); or
3. such goods are returned under the said paragraph (a) or (b).

[53] Di dalam kes plaintif ini, plaintif sebagai ejen telah menuntut pemulangan barang dagangan di dalam 40 kontena tersebut secara bertulis melalui dua surat peguam caranya Tetuan JR Ravendren & Associates bertarikh 19 November 2015 dan 26 November 2015. Namun defendan-

defendan telah enggan melepaskan barang dagangan tersebut atas alasan penyiasatan masih berjalan dan plaintif bukanlah tuan punya barang dagangan tersebut.

[54] Oleh yang demikian, sekiranya plaintif berpandangan bahawa plaintif adalah tuan punya barangan tersebut dan berhak ke atas barang dagangan di dalam 40 kontena tersebut (asserting) dan berpendapat bahawa penyitaan yang telah dilaksanakan adalah salah dan tidak sah di sisi undang-undang maka opsyen yang terbuka kepada plaintif adalah memfailkan tindakan writ saman terhadap defendan-defendan bagi memohon remedi-remedi undang-undang yang sewajarnya termasuklah satu deklarasi bahawa penyitaan yang telah dilaksanakan oleh defendan-defendan adalah salah dan tidak sah di sisi undang-undang.

[55] Di dalam hal ini, di bawah satu tindakan writ inilah, plaintif mempunyai beban bagi membuktikan keempunyaannya terhadap barang dagangan di dalam 40 kontena tersebut dengan pengemukaan keterangan-keterangan yang mencukupi untuk membuktikan kesnya terhadap defendan-defendan di atas imbangan kebarangkalian seperti yang diperuntukkan di bawah sub-s. 128(2) Akta 235 "any person asserting that he is the owner of such goods or ...".

[56] Tindakan melalui saman pemula yang difailkan oleh plaintif di hadapan mahkamah ini bukanlah satu tindakan yang membolehkan remedi deklarasi seperti yang dipohon plaintif kerana pengemukaan keterangan-keterangan dan beban pembuktian ke atas plaintif adalah sebagaimana menurut ss. 101, 102, 103 dan 104 Akta Keterangan 1950.

[57] Berdasarkan alasan-alasan di atas, permohonan plaintif di dalam kandungan 1 ditolak dengan kos sebanyak RM5,000 kepada defendan-defendan.